

# Sejarah Pakistan

## (II)

Di dalam bahagian yang kedua mengenai sejarah negara Pakistan ini kita akan bawa para pembaca sekalian meninjau kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negara Islam itu dibidang pembangunan di dalam segala aspek-aspek ekonomi, pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan. Semoga segala kemajuan-kemajuan pesat telah dicapai oleh negara baru itu, akan dapat pula dicontohi oleh negara-negara Islam yang lain. – Pengarang.

### Pembangunan Dan Perkembangan

#### Pakistan:

Pakistan telah dilahirkan pada 14 haribulan Ogos 1947. Ketua negara yang pertama ialah *Quaid-i-Azam* Muhammad Ali Jinnah dan ketua kerajaan ialah Liaquat Ali Khan. Kejadian-kejadian yang merupakan tragedi telah menyusul pembahagian dua benua kecil itu dan Pakistan telah menghadapi suatu masalah besar, yaitu memulihkan keadaan hidup di antara di lapan juta dengan sembilan juta orang pelarian Islam yang tidak mempunyai tempat kediaman dan tidak mempunyai mata pencarian, yang kebanyakannya telah berjalan kaki ke negeri Islam yang baharu itu dari India. Angka ini tidak termasuk setengah juta orang-orang Islam yang telah mati dibunuh dengan kejamnya di seberang sempadan.

Walaupun bagaimanapun, Pakistan telah dapat menyelesaikan masalah itu dan telah mula melangkah ke arah kemajuan ekonomi dan sosial. *Quaid-i-Azam* telah meninggal dunia pada 11 haribulan

September 1948 dan Khawajah Nazimuddin telah menjadi ketua negara. Sedangkan Liaquat Ali Khan terus menerus menjadi ketua kerajaan sebagai Perdana Menteri



President Ayub Khan

Dalam bulan Februari 1951 Liaquat Ali Khan membuka persidangan Muktamar Al-'Alam Al-Islami di Karachi yang telah dihidupkan semula pada tahun 1949. Selain daripada mengadakan muktamar-muktamar bagi memperkukuhkan perpaduan dunia Islam, Pakistan telah juga menjemput persidangan-persidangan

khas ahli-ahli ekonomi; ulama-ulama, belia dan lain-lain lagi. Pereka perkataan "Islamistan", Khaliq Al-Zaman, telah juga mengadakan suatu persidangan bagi mencapai perpaduan politik negeri-negeri Islam.

Kematian secara tiba-tiba dan tragedi Liaquat Ali Khan pada 16 haribulan Oktober 1951 merupakan suatu kerugian besar kepada negara yang muda itu. Khawajah Nazimuddin telah mengisi jawatan Perdana Menteri dan Ghulam Muhammad menjadi Gabenor Jeneral.

Pada 17 haribulan April 1953, Khawajah Nazimuddin telah dilucutkan daripada tanggungjawab-tanggungjawabnya dan Muhammad Ali Bogra telah menjadi Perdana Menteri. Dalam masa ia menjadi Perdana Menteri, Perhimpunan Belia Islam Antarabangsa yang pertama sekali telah diadakan di Karachi.

Pada 23 haribulan Mac 1956 suatu perlembagaan baharu telah disusun yang membentuk republik Islam Pakistan. Iskander Mirza

## Sejarah Pakistan

menjadi *President* dan Khudri Muhammad Ali menjadi Perdana Menteri. Kerajaan telah bertukar ganti dan keadaan politik dan ekonomi merosot hingga 7 haribulan Oktober 1958, manakala *President* Iskander Miza<sup>1</sup> memansuhkan perlembagaan, membubarkan Parlimen dan menguatkuasakan Undang-undang Tentera, dan menjadikan Ayub Khan, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata sebagai Pentadbir Undang-undang Tentera.

Pada 27 haribulan Oktober 1958 *President* Iskander Mirza menyerahkan jawatan *president* kepada Ayub Khan dan meninggalkan negeri itu. *President* Ayub Khan pun mengambil kuasa dan mengumumkan suatu sistem Demokrasi Lima Tingkatan terdiri daripada beberapa majlis yang ditubuhkan bertingkat-tingkat, dan tingkat yang tinggi sekali diketuai oleh sebuah Majlis Penasihat Daerah. Dalam sistem ini 80,000 demokrat asas telah dilantik dengan undi rahsia oleh sekalian orang-orang dewasa dalam kumpulan-kumpulan yang tiap-tiap satu daripadanya terdiri daripada 1,000 orang pengundi; demokrat-demokrat asas ini berkuasa melantik ahli-ahli peringkat demokrasi yang di atasnya serta melantik *President* Dewan Undangan. Delapan puluh ribu demokrat asas itu telah menyatakan dengan suara terbanyak keyakinan terhadap *President* Ayub Khan dan memberikan mandat kepadanya untuk mengadakan suatu perlembagaan sesuai dengan hasrat rakyat.

Perlembagaan yang telah disusun oleh *President* Ayub Khan telah mula berjalan kuatkuasanya pada 8 haribulan Jun 1962, dan memberikan sebuah kerajaan *berpresident* yang lebih kukuh daripada kerajaan yang ada pada tahun 1956 dan sebuah badan undang-undang, yaitu Dewan Negara, yang terdiri daripada 75 ahli dari Pakistan Timur dan 75 ahli dari Pakistan Barat. Apabila perlembagaan itu berjalan kuatkuasanya maka Undang-undang Tentera pun berakhir. Sejak *Field Marshall* Muhammad Ayub Khan mula memimpin, banyak perubahan-perubahan besar telah dilakukan. Rancangan perubahan kemilikan tanah telah menghapuskan sistem feodal. Lain-lain perubahan dalam bidang pelajaran dan undang-undang sedang dilakukan.

Langkah-langkah yang bijak dalam bidang kewangan telah menyebabkan ekonomi negeri itu menjadi kuat. Baharu-baharu ini, dengan ilham Presiden Ayub Khan dan di bawah pimpinannya, Pakistan telah menyertai Turki dan Iran dalam suatu perjanjian daerah untuk mencapai kerjasama dan pembangunan, dan ini mungkin akan membuka suatu lembaran baharu dalam sejarah dunia Islam dan oleh kerana perjanjian tersebut terbuka kepada sekalian negara-negara Islam maka ini mungkin akan membawa kepada terciptanya *Commonwealth* Negara-negara Islam yang sangat diidam-idamkan itu.

### Tinjauan Ekonomi

#### Umum:

Sekarang ini Pakistan adalah sebuah daripada negeri-negeri di dalam dunia yang paling ramai penduduknya. Pada awal tahun 1961, penduduk-penduduknya

93.8 juta. Banci yang dijalankan dalam tahun 1961 menunjukkan bahawa pada tiap-tiap tahun jumlah penduduk-penduduknya bertambah sebanyak 2.16 peratus, sedangkan di Asia umumnya tambahan penduduk-penduduk ialah 2 peratus. Ramainya penduduk-penduduk di kawasan satu batu persegi, hitung panjang, ialah 256 orang, berbanding dengan 163 orang di Asia umumnya.

Dahulu negeri itu mengeluarkan cukup makanan untuk penduduk-penduduknya, malahan dapat mengeksportkan bahan-bahan makanan, tetapi oleh kerana penduduk-penduduknya telah bertambah ramai, disebabkan oleh kemasukkan orang-orang pelarian tatkala Pakistan lahir ke dalam dunia, maka sekarang negeri itu terpaksa mengimport daripada bahan-bahan makanan yang diperlukan. Tetapi dengan bertambahnya pengeluaran bahan-bahan makanan, Pakistan berharap tidak akan perlu lagi mengimport bahan-bahan makanan kelak.

Kemajuan yang besar telah tercapai sejak kemerdekaan dan bentuk ekonomi Pakistan telah berubah, yaitu daripada berdasarkan pertanian ekonominya sekarang ini banyak berdasarkan perusahaan. Banyak jenis barang-barang telah dapat dikeluarkan dengan cukup banyak ditumpukan kepada perkembangan perusahaan-perusahaan berat.

**Pertanian:**  
Pertanian mengambil tempat yang penting dalam ekonomi dan susunan masyarakat Pakistan. Ia menyumbangkan 54 peratus daripada hasil pendapatan negeri itu dan 76 peratus daripada jupah wang asing yang didapati, dan ia memberi

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah Mirza.

## Sejarah Pakistan

pekerjaan kepada 74 peratus daripada penduduk-penduduknya. Matlamat-matlamat dasar kerajaan yang utama ialah mengeluarkan cukup makanan bagi negeri itu dan menambahkan pengeluaran barang-barang yang mendatangkan wang supaya barang-barang eksport dapat terus-menerus dikeluarkan dengan cukup banyak dan di samping itu perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan barang-barang untuk kegunaan negeri itu sendiri dapat diperkenalkan.

Dan satu lagi matlamat yang hendak dicapai ialah meninggikan mutu makanan rakyat dengan mendapatkan lebih banyak ikan, buah-buahan, sayur-sayuran, gula dan barang-barang makanan daripada binatang ternak, serta memperbaiki keadaan kurang pekerjaan dalam pertanian. Bahan-bahan makanan yang penting yang dikeluarkan ialah beras, gandum, jelai, XXX, jagung dan beras belanda.

Pengeluaran beras telah bertambah daripada 7.9 juta tan dalam tahun 1948 kepada 9.8 juta tan dalam tahun 1963. Sungguhpun 168,865 tan beras jenis baik dieksportkan dalam tahun 1963, 237,290 tan beras terpaksa diimportkan dalam tahun itu. Pengeluaran gandum telah bertambah daripada 3.6 juta tan dalam tahun 1948 kepada 4.1 juta tan dalam tahun 1963. Pada hitung panjang, 600,000 hingga 900,000 tan gandum terpaksa diimportkan pada tiap-tiap tahun.

Pengeluaran lain-lain bahan makanan yang penting ialah: XXX 416,000 tan,

jagung 428,000 tan, jagung 480,000 tan dan beras belanda 143,000 tan; rami, kapas dan teh ialah barang-barang pengeluaran yang penting yang dijual kepada negeri-negeri lain. Rami ialah penting bagi membuat guni untuk mengisi barang-barang pertanian dan untuk membuat alat pembungkus serta membuat XXX dan lapis kerusi.

Pakistan mengeluarkan sebahagian besar daripada rami yang terdapat di dunia dan ia adalah negeri yang tunggal yang mengeksportkan rami.

Pengeluaran dalam tahun 1963 ialah 1.1 juta tan. Pengeluaran kapas telah bertambah daripada 214,000 tan dalam tahun 1948 kepada 360,000 tan dalam tahun 1963. Pengeluaran teh dalam tahun

1963 ialah 23,000 tan. Lain pengeluaran ialah: kacang garam 705,000 tan; kacang minyak dan mustad 361,000 tan bijan 37,000 tan; tembakau 100,000 mawang 37,000 tan; mash 50,000 tan; masur 89,000 tan; XXX 4,000 tan; kacang-kacang lain 98,000 tan; biji rami 15,000 tan; kacang tanah 30,000 tan; biji kapas 727,000 tan; ubi kentang 12,794,000 maun (1 maun = 82.286 paun).

### Rancangan-rancangan Besar:

Seluruh Pakistan Barat mempunyai tanah yang gersang dan mendapat air daripada sungai-sungai sahaja. Bagi menggunakan seluasnya air sungai-sungai itu, maka Pakistan telah membina suatu rangkaian tali air yang besar sekali di dunia.



*President Johnson dan President Ayub Khan bertemu*

di lapangan terbang Karachi pada bulan Disember tahun lalu.

Pertemuan itu memakan masa 70 minit. – (gambar dipetik dari

*Pakistan News Regist*).

## Sejarah Pakistan

Dalam bulan September 1960, manakala perjanjian air Sungai Indus ditandatangani dengan India banyak empangan-empangan telah dibina dan banyak lagi yang sedang dibina. Perjanjian itu berasaskan pembahagian sungai-sungai di Teluk Indus – tiga batang di timur yang mengalir ke India dan tiga batang sungai di barat, Indus, Jhelum dan Chenab semata-mata untuk kegunaan Pakistan kecuali di sebelah ulu yang diuntukkan kepada India.

Hingga tahun 1970 Pakistan mempunyai masa untuk mempergunakan sungai-sungai timurnya dan mempersiapkan kerja-kerja menggantikan sungai-sungai itu. Rangkain tali air Pakistan meliputi 33 juta ekar yang mana 24 juta ekar daripadanya dikerjakan sebagai ladang.

Kawasan di Pakistan Barat yang sekarang ini bergantung kepada air dari sungai-sungai yang di sebelah timur ialah hampir 8 juta ekar; yaitu lebih luas daripada kawasan di Lembah Nil. Jumlah perbelanjaan rancang usaha itu ialah 1,000 juta ringgit dan termasuklah tujuh terusan air yang menghubungkan kolam-kolam air itu dengan empat buah empangan.

Empangan Menggala yang sedang dibina sekarang di Sungai Jhelum ialah 11,000 kaki panjang, 380 kaki tinggi dari dasar sungai itu, dan akan mengeluarkan 340,00 *kilowatt* kuasa elektrik, yaitu dua kali lebih banyak daripada yang dikeluarkan oleh rancang usaha Warsak. Ia akan

merupakan empangan berisi tanah yang paling besar sekali dan akan memakan belanja 1,420 juta rupiah.

Empangan Tarbala di Sungai Indus, kira-kira 9,200 kaki panjang dan 400 kaki tinggi, akan merupakan empangan berisi batu yang paling besar sekali di dunia. Ia boleh mengeluarkan 1.5 juta *kilowatt* kuasa elektrik.

Pakistan Timur terdiri dari tanah-tanah rata. Pertanian bergantung kepada hujan dan diusahakan di musim-musim yang ada hujan. Dalam musim hujan kira-kira 80 peratus daripada tanahnya ditenggelami air hujan atau sungai. Padi yang boleh ditanam di tanah yang ditenggelami air. Daripada 35 juta ekar tanah lebih kurang 22 juta ekar dikerjakan untuk bercucuk tanam. Daripada 22 juta ekar itu lebih kurang 7 juta ekar sahaja yang ditanami lebih daripada sekali.

Bagi membolehkan tanah ditanami dua atau tiga kali, rancang usaha-rancang usaha besar sedang diselenggarakan:

1. Rancang usaha Ganges Kobadak yang akan mengairkan 2.8 juta ekar di daerah-daerah Khulna, Jessore dan Khushtia;

2. Rancang usaha empangan Teesta dalam mana suatu empangan akan dibina di Sungai Teesta dan suatu rangkaian terusan air yang akan mengairkan 1,85 juta ekar tanah dan akan mengeluarkan kuasa elektrik juga;

3. Rancang usaha Brahma Putra yang<sup>2</sup> dimaksudkan untuk mengeluarkan 40,000 *kilowatt* kuasa elektrik;

4. Rancang usaha Faridpur – Barisal dalam mana sebuah empangan

akan dibina di Ganges untuk mengairkan 3.6 juta ekar tanah.

Selepas pemberontakan tahun 1958, kerajaan *President Ayub Khan* telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Pertanian Pakistan Barat dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Pakistan Timur bagi menyelenggarakan rancang usaha-rancang usaha tersebut, bagi menyelenggarakan barang-barang pertanian dan bagi membina empangan-empangan kecil di kawasan-kawasan yang berbukit-bukau.

### **Pembaharuan Sistem Memiliki Tanah:**

Kerajaan *President Ayub Khan* telah menganjurkan pembaharuan sistem memiliki tanah dengan mana dihadkan luasnya tanah yang boleh dimiliki oleh seseorang. Kerja melaksanakan pembaharuan sistem memiliki tanah itu masih berjalan di Pakistan Barat. Di bawah rancangan penyerahan tanah yang berlebihan, daripada 2.5 juta ekar yang diambil balik oleh kerajaan 2.2 juta ekar adalah tanah milikan dan 3 juta ekar adalah tanah yang dipegang dengan kuasa daripada kerajaan.

Bilangan tuan punya tanah yang terlibat oleh pembaharuan di Pakistan Barat ialah 902, termasuk 755 pemilik dan 146 pemegang dengan kuasa daripada kerajaan. Jumlah wang ganti rugi yang akan dibayar oleh kerajaan kerana pengambilan balik tanah ialah 75.9 juta rupiah. Hingga akhir bulan Mac 1964 lebih kurang 1.1 juta ekar telah dibersihkan dan kerja membersihkan tanah bakinya masih berjalan.

Bank Negara Pakistan telah mengeluarkan bon-bon yang berharga sebanyak wang itu sebagai bayaran ganti rugi kepada tuan-tuan punya tanah

<sup>2</sup> Pengulangan perkataan yang.

## Sejarah Pakistan

yang tanahnya diambil balik oleh kerajaan; bon-bon ini akan dapat ditukar dengan wang pada 1 haribulan Julai 1985.

### Perhutanan:

Hutan adalah mengambil tempat yang penting dalam ekonomi Pakistan. Selain daripada memberikan kayu api dan bahan-bahan pembinaan, banyak perusahaan-perusahaan di Pakistan

berasaskan pengeluaran hutan, umpamanya kertas, percetakan, korek api, kayu berlapis, rayon, masak damar, membuat varnish, bakar batu kapur, dan lain-lainnya. Kawasan yang berhutan ialah seluas 6.1 juta ekar terletak di Pakistan Timur.

Kebanyakan daripada hutan-hutan itu adalah kepunyaan kerajaan.

Pengeluaran kayu-kayan bagi setahun ditaksirkan sebanyak 47 juta kaki padu, yang mana hampir 75 peratus adalah kayu api yang

25 peratus lagi kayu balak untuk digunakan kerana lain-lain tujuan; 88 peratus daripada kayu balak itu ialah kayu keras dan 12 peratus kayu lembut. Pakistan Barat mengeluarkan hampir 20 juta kaki padu dan Pakistan Timur mengeluarkan hampir 27 juta kaki padu. Hutan-hutan itu mengeluarkan juga berbagai-bagai benda yang lain, seperti gam, damar, buluh, rotan, gulfata, (sejenis rumput,) dan lain-lainnya.

### Binatang Ternak:

Binatang ternak adalah penting juga kepada ekonomi Pakistan, kerana daripadanya didapati susu dan daging serta baja. Dan lain-lain benda yang didapati daripada binatang ternak, seperti buku kambing dan kulit, adalah berguna kepada perusahaan-perusahaan, yang mana adalah penting bagi negeri itu.

Bagi memperbaiki dan membanyakkan binatang ternak, berbagai-bagai langkah telah diambil untuk mencegah penyakit binatang dan sebagainya. 65 rancang usaha berkaitan dengan penternakan telah dijalankan oleh Jabatan Penternakan dalam tahun 1962-63 di Pakistan Barat. Jumlah binatang ternak dalam 1960-61 ialah, lembu 40.6 juta ekor; kambing jati 9.5 juta ekor; kambing biri-biri 6.6 juta ekor; kerbau 6.3 juta ekor; keldai 925,000 ekor; unta 601,00 ekor; kuda 504,000 ekor dan baghal 26,000 ekor.

### Perikanan:

Negeri itu mempunyai peluang yang amat baik dalam usaha mengeluarkan ikan dengan banyaknya. Oleh kerana



*President Ayub Khan di Lapangan Terbang Karachi menyambut ketibaan Malik Faisal bin Abdul Aziz dari Saudi Arabia sewaktu lawatan baginda ke negara Pakistan pada tahun 1966 yang lalu.*



## Sejarah Pakistan

terdapat kekurangan-kekurangan dalam perusahaan menternak, maka pentinglah dimajukan perusahaan perikanan untuk menambah kalori yang berkurangan itu. Pembangunan perusahaan perikanan, sama ada di laut mahu pun di darat, telah mendapat perhatian yang lebih berat dalam beberapa tahun yang lampau. Bagi

faedah perikanan di laut, sebuah pelabuhan nelayan telah dibina dengan belanja 14.1 juta rupiah di Karachi dan sebuah pelabuhan serupa itu sedang dirancangkan untuk dibina di Chittagung di Pakistan Timur.

Sebagai hasil daripada usaha kerajaan hendak memajukan perusahaan perikanan, maka pengeluaran dan eksport ikan telah bertambah banyak. Pelabuhan nelayan di Karachi

sahaja telah menyelenggarakan kira-kira 100 tan sehari. Sebuah kilang untuk memproses udang telah mula berkhidmat dalam bulan April 1963. Eksport ikan dan barang-barang daripada ikan telah bertambah daripada 32 juta rupiah dalam tahun 1959 kepada 105 juta rupiah dalam tahun 1963.

(Bersambung)

BUKU BARU

SUDAH SIAP

## ISLAM

### PEMELUK DAN ULAMA-NYA

- \* MENGANALISA dengan tegas tentang kejahilan Pemeluk2 Islam terhadap hukum ugama yang mereka anuti, sa-hingga mereka menjadi suatu ummat yang mundur di-dunia ini.
- \* MENGUPAS dengan panjang lebar tentang kelebihan, kemantapan dan keindahan undang2 Islam chiptaan Tuhan dari undang2 dunia chiptaan manusia.
- \* MENENTANG dengan keras ka-atas orang2 yang menda'wa hukum2 dalam Shari'at Islam itu tidak sesuai lagi di-praktekkan dalam zaman moden ini.
- \* MENGKERITIK dengan terus terang terhadap Pembesar2 Negara, Pemimpin2 Islam dan Para Ulama'-nya yang tidak mahu bertanggungjawab menegeakkan sa-buah negara yang berchorak Islam.
- \* TEBALNYA 175 muka, berkulit tebal warna warni. Di-chetak dalam huruf rumi dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah di-faham oleh semua golongan masyarakat.

Harga Sa-buah \$3.00

Pos 20 sen.

Pesanlah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.